

ATURAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

ATURAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR

1. Tajuk

Aturan ini dinamakan "Aturan Lawatan Sambil Belajar" (LSB)- Koperasi BPM Berhad.

2. Tafsiran

Di dalam aturan ini, tafsiran yang dipersetujui adalah seperti berikut:-

"Akta" ini ertinya Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan koperasi 1995 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

"Anggota" ertinya mereka yang telah menjadi Anggota koperasi ini dengan membayar syer minimum yang ditetapkan oleh Undang-undang Kecil Koperasi ini;

"Koperasi" atau "Koperasi ini" bermaksud Koperasi Bank Pertanian Malaysia(KoBPM) Berhad atau KoBPM.

"Anggota Lembaga Koperasi"(ALK) adalah lembaga koperasi yang dilantik mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi ini.

"Jawatankuasa Pengurusan" adalah suatu jawatankuasa yang akan mengendalikan mesyuarat di peringkat Pengurusan KoBPM Bhd. terdiri daripada Anggota Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi ALK dan barisan Pengurusan dan Pentadbiran KoBPM Bhd.

"Jawatankuasa Perkhidmatan Anggota" adalah Jawatankuasa Kecil yang mengendalikan urusan berkaitan dengan hal ehwal dan kebajikan Anggota.

"Jawatankuasa Perniagaan dan Pelaburan" adalah Jawatankuasa Kecil yang mengedali dan menguruskan urusan - urusan berkaitan dengan hal ehwal dan pengurusan perniagaan dan pefaburan KoBPM terdiri daripada Anggota Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi ALK dan turut hadir didalam mesyuarat berkaitan oleh wakil Pengurusan dan Pentadbiran KoBPM.

3 Tujuan

LSB adalah merupakan kemudahan lawatan sambil belajar Anggota KoBPM bagi menggantikan kaedah lama yang telah ditamatkan pada akhir bulan April 2016.

Peruntukan LSB disediakan bagi tujuan memberi insentif dan juga galakkan kepada Anggota yang telah lama menyertai KoBPM agar terus kekal bersama KoBPM sebagai Anggota yang setia.

Setiap tahun suatu peruntukan kewangan yang perlu disediakan oleh pihak Kewangan KoBPM bagi tujuan menaja atau membiayai sebahagian daripada kos perbelanjaan Anggota KoBPM membuat lawatan samada di dalam Negeri atau di Luar Negeri.

4. Sumber Kewangan

Sumber Kewangan bagi perniagaan ini adalah daripada dana yang telah di peruntukkan melalui modal yuran Anggota-anggota dan punca-punca lain yang diharuskan oleh syarak dan ditetapkan oleh Lembaga.

5. Pentadbiran dan Pemantauan

5.1 Jawatankuasa Perkhidmatan Anggota

Jawatankuasa Perkhidmatan Anggota terdiri daripada kuasa melulus bagi permohonan pembiayaan dan juga permohonan-permohonan yang berkaitan dengan hal ehwal tabung kebajikan dan lawatan sambil belajar. Iaitu Timbalan Pengerusi ALK (Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan), Setiausaha dan Bendahari. Kuasa melulus permohonan adalah 2 daripada 3 kuasa penandatanganan di atas.

Pada masa ketiadaan mana-mana 2 orang iaitu Setiausaha dan /atau Bendahari, Penolong Setiausaha dan Penolong Bendahari adalah kuasa tandatangan pengganti masing-masing.

Pengurus Besar dan/atau Pengurus Pentadbiran dan Kewangan adalah sebagai Pegawai Penyokong/Pencadang.

5.2 Aturan Lawatan Sambil Belajar

Semua Anggota KoBPM adalah tertakluk kepada aturan berikut:-

- 5.2.1 Kelayakan : Kesemua Anggota layak untuk mendapat kemudahan ini sekali didalam tempoh keanggotaan (kemudahan terdahulu jika telah diambil tidak diambilkira dalam penentuan kelayakan).

5.2.2 Keutamaan	Keutamaan akan diberikan kepada Anggota sepertimana berikut:
	i) Belum pernah menikmati kemudahan lawatan sambil belajar yang lalu. ii) Kekananan (seniority) didalam keanggotaan KoBPM.
5.2.3 Nilai	Nilai peruntukan adalah tidak melebihi RM 1,000.00 untuk seorang Anggota.
5.2.4 Keanggotaan	Telah menjadi Anggota tidak kurang daripada 36 bulan atau 3 tahun.
5.2.5 Pegangan Saham	Anggota yang layak mesti mempunyai sekurang-kurangnya RM 1,000.00 pegangan syer wajib KoBPM.
5.2.6 Peruntukan	Peruntukan belanja untuk program LSB adalah tidak melebihi kelulusan bajet tahunan (mengikut tahun kewangan KoBPM)
5.2.7 Kelulusan	Kesemua permohonan, cadangan atau apa pun yang berkaitan dengan kelulusan LSB hendaklah mendapat keputusan dan kelulusan daripada mana-mana dua Ahli Jawatankuasa Perkhidmatan Anggota.

5.3 Kaedah Pemilihan Ternpat Lawatan dan Pakejnya.

5.3.1 Opsyen 1:

Anggota Lembaga KoBPM melalui Jawatankuasa Perniagaan dan Pelaburan akan membuat pemilihan tempat dan kaedah lawatan termasuk 'itinerary' bagi menyediakan pakej untuk pihak Anggota yang berkecenderungan membuat pemilihan dan permohonan.

Kesemua tempat pemilihan atau yang dicadangkan ini akan melalui proses penilaian dan kelulusan oleh pihak ALK sebelum dapat diputuskan atau diwartakan sebagai tempat atau destinasi yang di anjurkan oleh pihak KoBPM.

5.3.2 Opsyen 2:

Bagi permohonan LSB untuk lawatan yang dikendalikan atau diuruskan sendiri oleh pihak Anggota atau lain-lain pihak selain daripada KoBPM

permohonan hendaklah dikemukakan melalui borang permohonan kepada pihak Pentadbiran KoBPM untuk kelulusan Jawatankuasa Perkhidmatan Anggota.

6. Rekod

Rekod dan surat permohonan serta keputusan Anggota Lembaga KoBPM hendaklah dikemaskinikan dan disimpan oleh Setiausaha KoBPM.

7. Audit

Akaun Perniagaan dan yang berkaitan dengan kafetaria ini hendaklah di audit dalam tempoh tertentu oleh Juruaudit Dalaman Koperasi.

8. Perakaunan

Setiap bulan satu laporan lengkap berkaitan dengan kemajuan hasil pendapatan dan perbelanjaan serta apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan Perniagaan Kafetaria hendaklah disediakan oleh pihak Kewangan KoBPM dan akan dibentangkan didalam mesyuarat ALK.

9. Makluman Dalam Mesyuarat Agung

Lembaga hendaklah membentangkan didalam Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi laporan-laporan mengenai aktiviti ini.

Cadangan peruntukan jumlah wang yang akan dikeluarkan sebagai pembiayaan hendaklah dimasukkan didalam anggaran Belanjawan Tahunan Koperasi. Jumlah peruntukan ini bolehlah diberi kelonggaran untuk menjaga kepentingan Anggota-anggota.

10. Hak dan Kuasa

Hendaklah semata-mata dan sentiasa berada didalam kuasa Lembaga, tanpa memberi sebab-sebab untuk memutuskan sesuatu perkara mengenai peraturan ini.

11. Pertikaian

Jika berbangkit sebarang pertikaian atau perselisihan faham diatas tafsiran peraturan ini atau timbul apa-apa jua perkara mengenai peraturan ini, maka pertikaian ini hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengikut Undang-Undang Kecil 81 Koperasi ini

Aturan Perniagaan Kafetaria ini hendaklah dibaca bersama dengan Undang-Undang Kecil koperasi ini. Adalah disahkan bahawa Aturan Perniagaan Kafetaria bagi Koperasi KoBPM Berhad berkuatkuasa setelah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi ini pada 22hb Oktob r 2016.

Pengerusi

ZAINUL KAMAR
MOHD. ZAIN

Ahli Lembaga

AHMAD AZAMUDDIN
BIN AMAN

Ahli Lembaga

MOHD. PADLI BI
BIN MOHD. SAAT